



**1. PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN JAMINAN KUALITI, POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam salah satu bidang berikut atau bidang bersesuaian:

- *Quality Management*
- *Project Management*
- *Supply Chain Management*
- *Information and Communication Technology*
- *Computer Networks and Security*
- *Management and Information Technology*
- *Computer Information Systems and Web Computing*
- *Mechanical Engineering and Manufacturing*
- *Network Engineering*
- *Computer Engineering*
- *Mechatronics*
- *Real Estate Management*
- *Interior Design*
- *Business and Law*
- *Accounting and Finance*
- *Business Administration*
- *International Business Management/Entrepreneurship*
- *Electrical & Electronics*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

2. Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

3. Mempunyai pengalaman dalam merancang, menyelaras, mengendalikan, pengurusan jaminan kualiti di Institusi atau Jabatan adalah keutamaan.



Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang pendidikan seperti kursus-kursus Diploma Pendidikan / Post Graduate Diploma in Education / Master of Teaching dan yang berhubungkait dengan Pendidikan dalam tempoh 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN :

1. Membantu merumuskan dasar-dasar dan garis-garis panduan bagi jaminan kualiti Jabatan-Jabatan di bawah Perkhidmatan Koprat. Sokongan Akademik dan Korporat Akademik.
2. Bertanggungjawab terhadap kualiti dan piawaian Politeknik audit.
3. Membantu menyediakan dan menyemak senarai semak audit bagi setiap bidang yang akan di audit.
4. Menyediakan jadual audit tahunan.
5. Mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan mencadangkan pembaikan.
6. Membantu dalam pengemaskinian dan pemindaan senarai audit yang telah diluluskan menurut dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Politeknik Brunei.
7. Membantu menyediakan kerja-kerja yang komprehensif mengenai kaedah-kaedah jaminan kualiti yang terbaru yang boleh digunapakai di Politeknik Brunei.
8. Membantu merancang pelan tindakan Jabatan Jaminan Kualiti.
9. Membantu Ketua Jabatan Jaminan Kualiti dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan pejabat yang berkaitan dengan Jabatan Jaminan Kualiti.



10. Sentiasa bersedia untuk menjadi pengerusi atau wakil Ketua Jabatan dalam mana-mana mesyuarat, perjumpaan atau majlis-majlis resmi sama ada dalam dan luar Negara.
11. Hendaklah bersedia untu bertugas pada bila-bila masa dan tempat seperti yang diarahkan oleh Ketua Jabatan (ini termasuk selepas waktu bekerja).